



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENYERAHAN BORANG PENYERTAAN
PASUKAN MPSP DALAM KEJOHANAN APMG
2018

TARIKH / MASA / TEMPAT
31 JULAI 2018 (SELASA)
3.00 PETANG

AUDITORIUM MENARA MPSP
BANDAR PERDA
BUKIT MERTAJAM

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berbahagia Dato' Ar. Yew Tung Seang

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod

Setiausaha Perbandaran MPSP

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan - Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan izinnya dapat kita bersama-sama hadir pada hari ini di Majlis Penyerahan Borang Penyertaan Pasukan MPSP Dalam Kejohanan APMG 2018. Saya ingin rakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Ar. Yew Tung Seang, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang merangkap Naib Presiden Jawatankuasa Pengelola *Asia Pacific Masters Games* 2018 dan semua yang hadir untuk menjayakan majlis pada petang ini.

Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian;

Asia Pacific Masters Games (APMG) adalah merupakan kejohanan acara pelbagai sukan yang dianjurkan empat tahun sekali. Kejohanan sukan ini kali pertama ini dianjurkan pada tahun 1985 di Toronto, Canada dan pada tahun ini, Pulau Pinang menjadi tuan rumah buat pertama kalinya kepada satu kejohanan sukan antarabangsa. APMG adalah unik kerana tidak membabitkan proses kelayakan atau pemilihan hanya perlu mencapai umur tertentu dalam sukan pilihan masing-masing. Secara purata, usia minimum yang diperlukan untuk menyertai sukan ini adalah 30 tahun.

Sukan yang akan dianjurkan oleh APMG Penang 2018 ialah

memanah, olahraga, badminton, bola keranjang, berbasikal, bola sepak, golf, hoki, tarian singa, bola jaring, menembak, softball, skuasy, renang, ping pong, taekwondo, tenis, boling, bola tampar, angkat berat dan wushu.

APMG 2018 akan diadakan pada 7 hingga 15 September dan dianggarkan seramai lebih 5,000 peserta dari rantau Asia Pasifik akan mengambil bahagian dalam 21 acara sukan yang dipertandingkan di 26 lokasi sukan di Pulau Pinang, termasuk Seberang Perai. Tiga acara sukan akan dipertandingkan di Seberang Perai adalah:-

- i. Acara Sukan Golf di Kelab Golf, Bukit Jawi, Seberang Perai Selatan.
- ii. Acara Tenpin Boling yang dipertandingkan di Megamall Bowling Centre, Perai.
- iii. Acara Sukan Angkat Berat pula akan diadakan di SP Arena, Seberang Jaya.

Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian;

Pada 20 Mac 2018, MPSP bersama pengajur sukan APMG telah melancarkan Kaunter Kelab Sukan MPSP sebagai Kaunter Pendaftaran APMG Penang 2018 di perkarangan Kaunter PESUKA, Tingkat Bawah, Menara MPSP untuk mendaftarkan peserta-peserta sukan APMG. Pelancaran disempurnakan oleh Ahli EXCO YB Puan Chong Eng dan YBhg. Dato' Yang Dipertua MPSP.

Tujuan kaunter pendaftaran APMG (*APMG MPSP Registration Counter*) adalah untuk menguruskan pendaftaran peserta bagi acara sukan di seluruh Negeri Pulau Pinang termasuk kawasan Seberang Perai. Kaunter ini dikendalikan oleh warga pekerja Persatuan Kebajikan, Sukan Dan Sosial MPSP atau PESUKA.

MPSP juga menyokong penuh dan menggalakkan penyertaan di kalangan warga kerja MPSP untuk mendaftar diri bagi memilih sukan yang diminati bagi menyokong program Kerajaan Negeri Pulau Pinang ini. Kejohanan seperti ini merupakan wadah untuk memupuk budaya bersukan di kalangan warga MPSP. Pendedahan seperti ini akan meningkatkan kesihatan dan kualiti kehidupan serta melahirkan atlet yang berpotensi dan hebat. Sesungguhnya, akal yang sihat hadir daripada badan yang cergas.

Saya menyokong penuh penganjuran program-program seperti ini dan seharusnya mendapat penyertaan semaksimum yang mungkin daripada warga MPSP. Ini kerana, program yang dianjurkan bukan sahaja menguji kekuatan mental dan fizikal, malah dapat memupuk sifat kerjasama, selari dan berjalan seiring dengan usaha MPSP yang memperjuangkan pembangunan dan kesejahteraan penduduk Seberang Perai secara menyeluruh.

Rebutlah peluang seperti ini kerana kejohanan seperti ini dapat memupuk nilai-nilai positif serta memberi peluang kepada kakitangan MPSP untuk saling bertukar pengalaman sama ada dari segi sukan ataupun budaya, kehidupan dengan peserta luar negara.

Yang Berbahagia Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian;

Tujuan majlis pada hari ini adalah untuk membuat penyerahan borang penyertaan pasukan MPSP dalam kejohanan APMG 2018 kepada urusetia APMG. MPSP menaja 100 orang pemain sebagai menghargai perkhidmatan Wira Orange dan kakitangan lain yang telah berkhidmat dengan penuh gigih. Antara sukan yang akan disertai adalah Bola Sepak, Bola Jaring, Badminton, Basikal, Tenpin Boling, Olahraga dan Memanah

Borang penyertaan akan diserahkan kepada Yang Berbahagia Dato' Ar. Yew Tung Seang, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang merangkap Naib Presiden Jawatankuasa Pengelola APMG 2018.

Saya menyeru kepada penduduk Seberang Perai untuk menjaga kebersihan, tidak membuang sampah merata-rata, menyediakan makanan yang bersih dan berhemah dengan pelanggan-pelanggan kerana Sukan APMG bertaraf antarabangsa dan membawa bersama pelancung dari seluruh dunia.

Akhir kata, marilah kita menerima APMG bukan hanya sebagai sukan malahan "*Beyond The Games*". Semestinya penganjuran kejohanan ini menuntut komitmen padu dan pengorbanan semua pihak bagi memastikan kelancaran sepanjang kejohanan ini berlangsung bermula 7 hingga 15 September 2018.

Sekian,

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***

Terima kasih.